



KENYATAAN PRA KELAYAKAN

KERJA-KERJA MENAIKTARAF KOMPONEN LAMPU ISYARAT KEPADA LAMPU ISYARAT BERTEKNOLOGI PINTAR DI
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA SECARA TENDER TERBUKA PRA-KELAYAKAN
(NO.PRA KELAYAKAN: PPj/PRE-Q/JK/1/2025)

1. Tender pra-kelayakan adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Maklumat Tender Pra-Kelayakan serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER PRA-KELAYAKAN	KEUPAYAAN KEWANGAN: 'NETT WORTH'/ MODAL PUSINGAN/ MODAL MUDAH CAIR	KEUPAYAAN TEKNIKAL: NILAI TAHUNAN KESELURUHAN NTK) KERJA SERUPA	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
CIDB Gred G7	'Nett Worth' Melebihi RM2,400,000.00	Melebihi RM3,600,000.00 Kerja Serupa dalam Tempoh 5 Tahun Lepas	5 Mei 2025 (Isnin)	5 Mei 2025 (Isnin)	Ringgit Malaysia (RM 100.00) (Tidak dikembalikan)	30 Mei 2025 (Jumaat)
Kategori ME, Pengkhususan	atau		9.30 Pagi	Sehingga		12.00 Tengahari
E04 (Pemasangan Voltan Rendah)	Modal Pusingan Melebihi RM1,200,000.00		Bilik Cemara, Aras 5, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya	19 Mei 2025 (Isnin)	Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet	Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya
DAN	atau					
E07 (Sistem Telekomunikasi Dalaman)	Modal Mudah Cair Melebihi RM1,200,000.00		Presint 3, 62675 Putrajaya			
DAN			LAWATAN TAPAK:			
E11 (Kerja Am Elektrik)			Controller Lampu Isyarat, Persiaran Perdana, Presint 3			
DAN						
E16 (Lampu Jalan & Lampu Isyarat)			(DIWAJIBKAN)			

3. Syarat memasuki tender pra-kelayakan

A) Pendaftaran Kontraktor

- a. Syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** Gred G7, Kategori Mekanikal dan Elektrikal dengan pengkhususan seperti berikut :

i. E04 (Pemasangan Voltan Rendah)

ii. E07 (Sistem Telekomunikasi Dalaman)

iii. E11 (Kerja Am Elektrik) Dan

iv. E16 (Lampu Jalan & Lampu Isyarat).
- b. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari LPIPM.
- c. Hendaklah mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada Tarikh Tutup Tender (tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum tiga (3) bintang.
- d. Sijil-sijil pendaftaran hendaklah berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup pelawaan Pra-Kelayakan.
- e. Kontraktor yang telah digantung oleh LPIPM dari menyertai tender adalah tidak layak untuk menyertai pelawaan ini.
- f. Kebenaran khas daripada CIDB, PUKONSA atau UPKJ untuk kategori/pengkhususan kerja yang telah ditetapkan adalah **TIDAK DITERIMA**.

B) Keupayaan Kewangan

- a. Mempunyai 'Nett Worth' **melebihi RM2,400,000.00** (20% x NTBK); atau
- b. Mempunyai Modal Pusingan (working capital) **melebihi RM1,200,000.00** (10% x NTBK); atau
- c. Mempunyai Modal Mudah Cair **melebihi RM1,200,000.00** (5% x Anggaran Jabatan).

Nota:

- i. NTBK – Nilai Tahunan Bebanan Kerja

C) Keupayaan Teknikal

- a. **Prestasi Kerja Semasa**

i. Tiada rekod projek sakit; dan

ii. Tiada rekod tidak memuaskan dari segi tempoh siap dan kualiti kerja dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.
- b. **Pengalaman Kerja**

i. Pengalaman kerja yang serupa dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu;

ii. Berpengalaman sebagai Kontraktor Utama/Subkontraktor serta melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan; dan

iii. Nilai Tahunan Keseluruhan (NTK) Kerja Serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas **melebihi RM3,600,000.00** (30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK).

4. Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi di **Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe, Jabatan Kewangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya** daripada **5 Mei 2025 (Isnin)** hingga **19 Mei 2025 (Isnin)** semasa waktu pejabat.
5. Dokumen Pra-Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil Kontraktor/Syarikat yang diberi kuasa sahaja. Wakil kontraktor/Syarikat dikehendaki mengemukakan **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPPK.
6. Harga dokumen ialah **RM100.00** (Ringgit Malaysia: **Satu Ratus Sahaja**) senaskah dan bayaran hendaklah dibuat secara Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
7. Dokumen hendaklah dikemuka dan dimasukkan ke dalam sampul bertutup sempurna serta dicatatkan dengan tajuk projek. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** yang dikhaskan seperti ketetapan berikut:

Kaunter Perolehan,
Aras 3, Bangunan Annexe
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3,
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya